

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai insurans Badan Kapal Marin anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

Tarikh: dd.mm.yyyy

1

Apakah itu Insurans Badan Kapal Marin?

Polisi insurans badan kapal marin melindungi kerugian atau kerosakan kapal anda semasa digunakan dalam operasi perdagangan yang dipersetujui. Terdapat 2 jenis perlindungan yang berdasarkan Klausula Masa Institut ("*Institute Time Clauses*" atau "ITC")

- (1) Institute Time Clauses – Hulls 1.10.83 (melindungi kerugian sebahagian dan kerugian menyeluruh); atau
- (2) Institute Time Clauses – Hulls – Total Loss Only (melindungi kerugian menyeluruh).

2

Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan RM20,000.00 setahun, anda akan menerima perlindungan berikut di bawah ITC– Hulls 1.10.83:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini tidak melindungi:
Perlindungan kerugian sebahagian dan kerugian menyeluruh ke atas kapal yang diinsuranskan disebabkan oleh peril-peril berikut: • Peril laut, sungai, tasik atau perairan yang boleh dilayari • Kebakaran atau letupan • Kecurian ganas oleh orang dari luar kapal • Pembuangan barang (<i>jettison</i>) • Kerosakan atau kemalangan kepada pemasangan nuklear atau reaktor nuklear • Perlanggaran dengan pesawat atau objek serupa, pengangkutan darat, peralatan atau pemasangan dok atau pelabuhan • Gempa bumi, letusan gunung berapi atau kilat	Kerugian, kerosakan, liabiliti atau perbelanjaan yang disebabkan oleh atau berpunca daripada: • Risiko Perang dan Mogok • Tindakan berniat jahat • Pembelahan nuklear atau seumpamanya • Keganasan Risiko anak kapal, kargo, penumpang, resapan marin dan liabiliti pencemaran juga dikecualikan secara khusus.
Dengan bayaran premium tambahan, anda boleh melanjutkan polisi ini untuk melindungi: • Risiko Perang dan Mogok tertakluk kepada Klausula Perang dan Mogok Institut 1.10.83 (<i>Institute War and Strikes Clauses 1.10.83</i>) • Liabiliti Perlanggaran – anda boleh diinsuranskan untuk kadar penuh 4/4 liabiliti anda berbanding dengan 3/4 liabiliti anda.	
Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.	
Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.	

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Insurans Badan Kapal Marin, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Lawati kami di
allianz.com.my/marine-hull-insurance



Emel kami di
customer.service@allianz.com.my



Imbas kod QR
diatas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza, bergantung kepada keperluan pengunderaitan syarikat insurans.

Untuk tujuan ilustrasi, andaikan jumlah yang diinsuranskan adalah RM1,000,000.00 dan perlindungan yang diambil adalah berdasarkan bahagian yang berikut:

ITC- Hulls 2.0% berserta perlindungan tambahan bagi: Perang dan Mogok 0.25% dan perlindungan lanjutan lain 0.25%, jumlah kadar premium adalah 2.5% pada atas jumlah yang diinsuranskan bernilai, dan **anda mesti membayar premium:**

Perlindungan asas	RM 20,000.00
Perlindungan Tambahan:	
• Perang dan Mogok	RM2,500.00
• Perlindungan lanjutan lain	RM2,500.00
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah	RM 25,000.00 (setahun)

Di mana ini termasuk:

Komisen dibayar kepada perantara insurans (jika ada)	15% daripada premium atau RM 3,750.00
--	---------------------------------------

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Duti setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM 2,000.00

Note: Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

4 Maklumat Penting Yang Anda Patut Tahu

- Kewajipan penzahiran pra-kontrak (menurut Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013):
 - Sekiranya anda memohon insurans berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
 - Sekiranya anda memohon insurans bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan kami dan mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai.
 - Jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
 - Jika sebarang maklumat yang telah diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Allianz, anda mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Allianz dengan segera.
- Apa-apa perubahan risiko semasa polisi berkuatkuasa mestilah dirujuk kepada kami dengan segera supaya kami boleh menilai perkara tersebut dan jika berkaitan, mengeluarkan pengendorsan bagi perubahan tersebut.
- Jumlah Diinsuranskan adalah nilai pasaran semasa kapal. Sila maklum bahawa laporan penilaian bagi kapal mungkin akan diminta.
- Pemotongan – anda mesti menanggung amaun yang berkenaan yang dinyatakan sebagai pemotongan dahulu sekiranya berlaku tuntutan.
- Waranti Premium – Premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Allianz dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Polisi ini atau endorsmen yang dikeluarkan oleh Allianz yang menetapkan permulaan perlindungan bagi Orang Yang Diinsuranskan.

Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengemukakan notis bertulis kepada Allianz. Setelah polisi dibatalkan, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan jumlah premium bersih bulanan pro-rata untuk setiap bulan yang belum dilindungi. Tiada bayaran balik premium akan dibenarkan jika terdapat tuntutan di bawah polisi.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/01/2026.